

04 MAR 1997

Yahaya-Petikan

PETIKAN KATA-KATA HIKMAH YAHAYA

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Tokoh korporat Tan Sri Yahaya Ahmad yang terbunuh dalam nahas helikopter malam tadi dikenali dan akan sentiasa diingati sebagai seorang yang pragmatik dan berpandangan jauh.

Berikut merupakan beberapa petikan kata-kata hikmah beliau dalam beberapa acara yang dihadiri dan temuramah yang diberikannya:

+ Mengenai masalah pengangkutan awam dan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur yang menyebabkan perkhidmatan Intrakota miliknya teruk dikritik pihak media, beliau memberitahu wakil Bernama, Azman Ujang:

"Saya tidak akan lari daripada tanggungjawab ini. Ia merupakan tanggungjawab besar sehinggakan Perdana Menteri sendiri telah mengarahkan masalah itu diselesaikan segera." (Kuala Lumpur, 21 Jan, 1996)

+ Mengenai strategi Proton bagi menghadapi saingan syarikat kereta Jepun sewaktu Proton Wira diumumkan kereta keenam paling popular di Filipina tahun lepas:

"Apabila berdepan dengan musuh, kita memilih rangkaian mereka yang paling lemah, dan kita tidak akan menumpu ke bahagian terkuat mereka." (Katanya kepada pemberita di Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Manila, 24 Nov 1996).

+ Mengenai kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas 15 tahun perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri:

"Kepimpinan Datuk Seri telah menyuntik dinamisme baru ke dalam sektor swasta Malaysia dan menyumbang kepada pertumbuhan pesat ekonomi negara yang menjadi kebanggaan setiap orang." (Katanya kepada pemberita dalam majlis makan tengah hari anjuran Dewan Perdagangan dan Industri Kebangsaan bagi meraikan Dr Mahathir di Kuala Lumpur, 31 Julai, 1996)

+ Mengenai peranan kerajaan membantu usahawan Bumiputera:

"Bagi mereka yang belum lagi berupaya berlari pantas, pentas ekonomi yang tinggi-rendah perlu diratakan menerusi campur tangan kerajaan. Dalam keadaan tertentu, pendekatan istimewa diperlukan bagi mencapai keadilan hakiki." (Sewaktu membentangkan kertas kerja di Konvensyen Khas bagi memperingati ulangtahun ke-50 Umno di Kuala Lumpur, 11 Mei, 1996) --

BERNAMA

RAZ HJ MAI